

BERITA HARIAN

DATE: 3/4/2010

**Dr Mahathir
puji Najib** BH-3/04/2010

SUBANG JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memuji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung cadangan Model Ekonomi Baru (MEB) yang dibentangkan beliau membabitkan kepentingan semua kaum di negara ini.

Dr Mahathir berkata, Najib memahami keperluan ekonomi semua kaum tanpa melupakan kepentingan kaum Melayu dan Bumiputera.

"Bagaimanapun, kita sedang memberi masa kepada rakyat untuk meneliti dan memberikan maklum balas, kemungkinan ia berbeza dengan apa yang dibentangkan," katanya selepas melancarkan pameran lukisan bertajuk *Painted Axioms of Life Experiences* karya Prof Datuk Dr Hashim Yaacob di sini, semalam.